

# Perluasan ulul albab ke IPT suatu langkah bijak

KONSEP ulul albab dalam pendidikan yang digerakkan beberapa tahun lalu mengambil pendekatan hafazan al-Quran seiring dengan mempelajari subjek akademik, sains dan teknologi. Maksud pendidikan integratif ini bagi melahirkan jenis modal insan yang menguasai sumber *aqli* dan *naqli* (wahyu).

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Kedah baru-baru ini mengatakan bahawa model pendidikan Islam, Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) mungkin akan diperluaskan ke IPT supaya kesinambungan generasi ulul albab tidak berakhir di peringkat sekolah menengah sahaja.

Tambah Muhyiddin lagi, ia bertujuan melahirkan profesional-hafiz agar negara ini menjadi contoh bagi negara-negara Islam di peringkat global. Ianya selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia.

Masa kini pendidikan Islam diajar di tahap prasekolah, sekolah rendah, Jawi, Quran dan fardu ain (J-Qaf), Sekolah Menengah Kebangsaan dan Berasrama Penuh dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Islam (Integrasi), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dengan ulul albab di tiga buah MRSM dan tiga buah SMKA.

Dalam konteks hafazan, Darul Quran di Kuala Kubu Baru, Selangor, menghasilkan program persijilan dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), diploma dan ijazah dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

UIAM menjadi pelopor kepada program



DR. SIDEK BABA

integrasi dan Islamisasi ilmu sehingga melahirkan ribuan siswazah dalam pelbagai bidang yang *huffaz*.

USIM menggerakkan program integrasi akliah dan nakliah dalam bidang pengajian masing-masing di samping kolej-kolej Islam negeri melaksanakan program yang sama.

Semasa Datuk Seri Idris Jusoh menjadi Menteri Besar Terengganu, konsep ulul albab ini sudah mula diperkenalkan. Apabila beliau menjadi Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), tiga MRSM di Gemenech, Besut dan Kepala Batas dipilih sebagai tempat program ulul albab.

Program ulul albab yang telah berjalan beberapa tahun itu menghasilkan ribuan pelajar yang menjadi *huffaz* dan dalam masa sama mengikuti subjek akademik terutama bidang sains dan teknologi.

Misi ulul albab ialah mentarbiah pelajar untuk melahirkan insan yang beriman, bertaqwa, berilmu, berakhlak mulia, berkeberterampilan, bertanggungjawab dan dapat berbakti kepada bangsa dan negara melalui pembudayaan al-Quran.

Pendekatan Quranik ialah menghafaz 30 juzuk al-Quran serta memahaminya berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar. Pendekatan ensiklopedik ialah berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, menjadi sumber rujukan serta menguasai pelbagai bidang ilmu dan

bahasa asing. Ijtihadik ialah berkeupayaan memberikan pandangan dalam penyelesaian ummah, memaksimumkan keupayaan berfikir, berfikir kreatif dan inovatif serta berteknologi tinggi.

Apabila Idris menjadi Menteri Pengajian Tinggi gagasan ini mahu diperkenalkan lebih luas lagi dalam sistem pendidikan negara.

Kenyataan Muhyiddin untuk melanjutkan tradisi ulul albab ke IPT adalah langkah yang wajar, bijaksana dan strategik kerana konsep Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik boleh dicapai melalui pengajian tinggi di mana pengkhususan dan kepakaran boleh diteroka.

Kolej Universiti al-Quran Malaysia yang dicadangkan oleh kerajaan pada tahun lalu adalah kesinambungan tradisi tahfiz yang berkembang dalam negara sama ada yang digerakkan oleh kerajaan mahupun pihak swasta.

Amat penting kolej universiti ini menawarkan bidang kursus diniah, insaniah, sains dan teknologi dengan memberi fokus kepada *takhasus* atau pengkhususan supaya jenis modal insan yang dilahirkan mampu masuk dalam sistem.

Sekiranya TMUA ingin diperluaskan dalam sistem pendidikan menengah maka memperkenalkannya di IPT selain UIAM dan USIM adalah sesuatu yang wajar kerana lulusan sekolah menengah memerlukan pengajian lanjutan.

## PERLUNYA INTEGRASI ILMU

Tinjauan yang penulis lakukan di tiga ulul albab MRSM mendapati tidak ada

masalah proses hafazan terjadi dan para pelajar tidak mempunyai masalah besar untuk mengikuti subjek yang berorientasi sains, matematik dan teknologi.

Isunya ialah melakukan integrasi antara faktor naqli (al-Quran) dan aqli (matematik, sains dan teknologi) supaya wujud fikrah dan tasawwur yang menghasilkan matlamat Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik.

Asas epistemologi ilmu yang integratif perlu diperkasakan menerusi latihan kejuruan di dua bidang iaitu al-Quran dan juga sains supaya pengajaran sains disantuni dengan maksud al-Quran dan hafazan al-Quran mampu menyantuni isu sains dan teknologi.

Kurikulum serta sukatan pengajaran dan pembelajaran perlu disusun semula supaya bahan-bahan rujukan berbanding dijadikan sumber telaah, kajian dan dapatan.

Sekiranya hal ini terjadi, sifat ilmu dalam ulul albab adalah integratif. Berbicara mengenai matematik umpamanya para pelajar dididik mengenai maksud hisab, hasaba dan muhasabah.

Mempelajari sains tidak sekadar sifatnya empirikal dan orientasinya makmal tetapi juga mengkaji hikmah di sebalik kejadian untuk menghubungkan ciptaan dan kajian dengan Pencipta iaitu Allah.

Mempelajari Geografi tidak sekadar batubatan diteliti tetapi merujuk kepada al-Quran, gunung-ganang adalah *autad* atau pasak-pasak bumi. Ada asas keseimbangan kepada bumi dan ianya adalah kejadian yang Allah ciptakan.

Asas epistemologi ini sangat penting bagi pelajar-pelajar di tahap pengajian

tinggi kerana tamadun Islam pada masa lalu adalah sinergi antara al-Quran dan sains. Ia telah menghasilkan tamadun dan nama-nama besar dalam sains dan teknologi seperti Ibn Sina, Abu Qasim Az-Zahrawi, al-Kindi, al-Biruni, al-Khwarizmi dan banyak lagi.

Mereka ialah *huffaz* di waktu muda lagi menguasai pelbagai bahasa dan mampu menjadikan al-Quran sebagai sumber penerokaan bidang matematik, sains, astronomi, teknologi, embriologi dan teori fizik mengenai tarikan bumi.

Sekiranya Malaysia dapat menghasilkan model ini, jenis modal insan baru yang bakal lahir menekuni orientasi sistem yang Islami sifatnya.

Orientasi barat yang hanya mementingkan akal dan rasionaliti semata-mata harus disantuni dengan *world-view* Islami yang lebih integratif supaya pembangunan modal insan tidak saja orientasinya akademik iaitu sains dan teknologi tetapi memiliki kualiti akhlak yang boleh menjadi sumber contoh dan ikutan.

Inilah cabaran pendidikan Islam masa depan di mana asasnya sedang disediakan oleh sistem pada masa kini.

Usaha ini menuntut tekad politik yang tinggi dengan perancangan yang bijak, menghasilkan ilmuwan yang memiliki dua kepakaran, Islam dan ilmu berbanding, memiliki metodologi pengajaran dan pembelajaran yang mampu membangun fikrah dan tasawwur.

**PENULIS** ialah Profesor Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).